

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## Tiga kluster baharu dilaporkan di Selangor, Johor, Labuan

**Putrajaya:** Tiga kluster baharu COVID-19 dilaporkan, semalam, membabitkan Selangor, Johor dan Labuan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kluster Penjara Jalan Harapan yang membabitkan Penjara Sungai Buloh, dikesan di Selangor dengan 17 kes disahkan positif, setakat ini.

"Kluster Kota Kecil pula dikesan di Kota Tinggi, Johor, dan sudah menjangkiti sembilan individu.

"Seterusnya, Kluster Sky Coklat di Labuan dengan tujuh individu disahkan positif," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Sementara itu pada Taklimat Khas Isu Semasa COVID-19 di KKM pula, Dr Noor Hisham menjelaskan, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu adalah bertujuan menghentikan penularan serta mengurangkan jangkitan COVID-19 di negara ini.

Beliau berkata, ia bukan untuk menamatkan pandemik yang sedang melanda Malaysia dan seluruh dunia itu.

Katanya, sepanjang tempoh lapan bulan lalu, Malaysia berjaya mengawal penularan wabak itu sehingga kadar kebolehjangkitan mencapai tahap kurang 1.0.

Namun sejak September lalu hingga kini, beliau berkata, kes meningkat kepada lebih 50,000 di seluruh negara.

"Kita juga sedia maklum bahawa selepas tempoh 10 bulan di lapangan, petugas barisan hadapan sudah lesu mental dan fizikal, begitu juga rakyat Malaysia yang lesu dengan prosedur operasi standard (SOP)... mereka lesu mental dan fizikal.

"Namun, 'peperangan' masih berlaku. Virus tidak lesu langsung, malah akan mula menjangkiti apabila kita mengambil mudah dan mengabaikan SOP," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan PKP Bersyarat (PKPB) di kebanyakan negeri, dilihat dapat mengurangkan kadar kebolehjangkitan dengan Melaka dan Terengganu kini kembali kepada PKP Pemulihan (PKPP) selepas kes positif berkurangan.

Katanya, walaupun 1,041 kes baharu direkodkan, semalam, kebolehjangkitan masih dalam julat 0.9 hingga 1.0.

Beliau berkata, unjuran kadar kebolehjangkitan pada 1.0 ialah 1,388 kes, manakala kadar kebolehjangkitan pada 1.5 pula 3,277 kes.

Justeru, katanya, kadar kebolehjangkitan perlu diturunkan sekarang-kurang hingga 0.5 atau lebih baik jika ia boleh menjadi 0.3 seperti sebelum gelombang ketiga.

## Penularan COVID-19

# Rujuk data klinikal pastikan keberkesanan vaksin

### KKM tunggu laporan ujian fasa ketiga, bukan bergantung kenyataan media

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzkid@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) perlu berpandu kepada data klinikal serta laporan rasmi berhubung ujian fasa ketiga vaksin COVID-19 yang sedang dibangunkan, bagi memastikan keselamatan dan keberkesananannya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya bukan bergantung pada kenyataan media mengenai vaksin tersebut.

Sehubungan itu, beliau berkata, KKM sedang menunggu laporan ujian fasa ketiga berkenaan walaupun sudah ada pengumuman dibuat oleh syarikat atau pihak yang sedang membangunkan vaksin tersebut, baru-baru ini.

"Jika ada data, kita akan melihat vaksin itu berkesan atau tidak. Setakat ini, kita tidak kata vaksin itu tidak berkesan, cuma tiada data yang diterbitkan lagi untuk kita lihat.

"Ada banyak persoalan dan da-



Pekerja syarikat sarung tangan Top Glove menjalani saringan COVID-19 susulan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di asrama pekerja wanita di Meru. (Foto Aswadi Alias /BH)

ta terabit akan menjawab soalan berkenaan. Ada antara 10 hingga 12 syarikat sudah menjalankan fasa ketiga ujian klinikal yang datanya belum diterbitkan lagi.

"Oleh itu, kita menunggu data sebelum mempertimbang untuk membeli vaksin yang dikeluarkan," katanya pada Taklimat Khas Isu Semasa COVID-19 di KKM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Rohaizat Yon;

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal), Dr Hishamshah Mohd Ibrahim; dan Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Datuk Dr Norhayati Rusli.

Menjelaskan lanjut, Dr Noor Hisham memaklumkan bahawa selepas data itu diperolehi, barulah KKM akan mempertimbangkan pemerolehan vaksin tersebut.

Beliau berkata, tindakan sama turut dilaksanakan terhadap sebarang pembelian ubat-ubatan. "Kita tidak boleh daftar vaksin

melalui laporan media kerana ia perlu dikaji dengan teliti," katanya. Beliau berkata, vaksin COVID-19 dibangunkan ketika ini belum berdaftar dengan Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) Amerika Syarikat.

"Banyak syarikat belum habis menjalankan penyelidikan lagi. Oleh itu, kita perlu mengkaji dengan teliti mengenai vaksin berkenaan.

"Vaksin terabit sama seperti ubat, ia perlu didaftarkan dengan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)," katanya.

## 3 negeri terus sumbang angka harian tertinggi

**Putrajaya:** Sebanyak 1,041 jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan dengan Selangor, Sabah dan Negeri Sembilan terus menyumbang angka tertinggi, semalam.

Selangor mendahului dengan 402 kes yang meliputi 38.6 peratus daripada jumlah itu, diikuti Sabah 346 kes (33.2 peratus) dan Negeri Sembilan 121 kes (11.6 peratus).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif jangkitan wabak itu di Malaysia kini mencecah 53,679 kes dengan 12,854 kes aktif.

"Pelaporan kes positif yang tinggi di Selangor berpunca daripada pertambahan jangkitan

dalam Kluster Teratai, iaitu sebanyak 298 kes (74.1 peratus).

"Jumlah kes yang tinggi di Sabah adalah berikutan pelbagai saringan giat dijalankan di negeri itu, manakala Negeri Sembilan pula disebabkan pertambahan jangkitan dalam kluster sedia ada.

"Sebanyak 21 kes (2.0 peratus) dilaporkan, hari ini (semalam), adalah berkaitan kluster dalam penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (17), Kluster Tembok (tiga) dan Kluster Penjara Seberang Perai (satu)," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, negeri lain yang turut mencatat pertambahan jangkitan ialah Kuala

Lumpur dengan 68 kes, diikuti Johor (33), Perak (29), Pulau Pinang (17), Labuan (12), Kelantan (tujuh) dan Kedah (enam).

"Negeri yang tiada mencatatkan kes, hari ini (semalam), ialah Sarawak, Pahang, Melaka, Terengganu, Putrajaya dan Perlis," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tiga kematian baharu akibat COVID-19 dilaporkan di Sabah, menjadikan jumlah kumulatifnya mencecah 332 kes (0.6 peratus).

"Kes kematian ke-330 dilaporkan di Hospital Queen Elizabeth membabitkan lelaki berusia 62 tahun dengan latar belakang penyakit darah tinggi, kencing manis, obesiti dan buah pinggang kronik.

"Kes kematian ke-331 dilaporkan di Hospital Lahad Datu membabitkan lelaki berusia 78 tahun dengan latar belakang penyakit darah tinggi dan terlantar.

"Kes kematian ke-332 pula dilaporkan di Hospital Keningau membabitkan perempuan berusia 55 tahun dengan latar belakang penyakit darah tinggi dan kencing manis," katanya.

Setakat jam 12 tengah hari semalam, sebanyak 1,405 pesakit COVID-19 dilaporkan sembuh yang membawa kepada jumlah kumulatif sebanyak 40,493 kes (75.4 peratus).

Selain itu, seramai 108 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dengan 45 memerlukan bantuan pernafasan.

**Terkini COVID-19**

**1,405**

jumlah kes disahkan positif

**1,041**

kes baharu disahkan, semalam

**332**

jumlah kematian dicatat

**53,679**

jumlah kes disahkan positif

**12,854**

kes yang masih dirawat

jumlah kes disahkan positif

kes baharu disahkan, semalam

jumlah kematian dicatat

jumlah kes disahkan positif

kes yang masih dirawat

jumlah kes disahkan positif

kes yang masih dirawat

jumlah kes disahkan positif

kes yang masih dirawat

jumlah kes disahkan positif

AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 14  
 RUANGAN : NASIONAL

# Nota akhir abah memilukan

Anak tak dibenar simpan kertas dikhuatiri ada virus COVID-19

Oleh Zahratulhayat Mat Arif  
 bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** "Tolong doa dan terus solat hajat. Abah mintak maaf. Jaga diri semua." Demikian pesanan terakhir pesakit COVID-19, Mohamad Talib sebelum menghembuskan nafas terakhirnya, Rabu lalu.


Mohamad, 58, menitipkan pesanan itu kepada isteri dan anaknya ketika menerima rawatan selepas disahkan menghidap COVID-19 di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini.

Syafiq Humairak berkata, tindakan itu dibuat kerana dia tidak dibenarkan menyimpan kertas memuatkan pesanan terakhir ayahnya, dikhuatiri mengandungi virus COVID-19.

Beliau berkata, Allahyarham yang menghidap penyakit buah pinggang itu disahkan positif COVID-19, Khamis minggu lalu, sebelum dikejarkan ke HRPB bagi menjalani rawatan dan kuarantin.

"Abah tidak menunjukkan sebarang perkembangan positif. Malah, keadaannya semakin teruk dan doktor membuat keputusan untuk memberi sedatif, Isnin lalu.

"Abah sempat menulis pesanan terakhir sebelum diberi sedatif. Dia tidak berupaya untuk bercakap dan kami berpe-



Nota terakhir yang ditinggalkan Mohamad. (Foto ihsan FB Mika Maira)

luang membuat panggilan video sebelum koma," katanya ketika dihubungi, semalam.

Syafiq Humairak berkata, semua ahli keluarga, termasuk anak saudara berusia sebulan, disahkan positif COVID-19 dan tidak berpeluang menghadiri upacara pengebumian ayahnya di Tanah Perkuburan Islam Jalan Bendahara, di sini.

"Hanya saya seorang boleh menghadiri pengebumian. Saya sangat sedih kerana tidak berpeluang mengucap arwah ayah buat kali terakhir. Saya hanya mampu melihat jenazah buat kali terakhir dari jarak jauh.

"COVID-19 ialah penyakit serius dan ayah sudah tiada... saya harap masyarakat mengambil berat prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : NASIONAL

## Menyanyi, menari Sumazau pakai PPE hibur pesakit

**Penampang:** Bukan mudah untuk menari dan menyanyi dengan memakai peralatan perlindungan diri (PPE) serta pelitup muka dalam keadaan panas dan merimaskan.

Itu inisiatif petugas kesihatan yang tetap komited meneruskan usaha membantu menaikkan semangat pesakit COVID-19 di pusat kuarantin.

Baru-baru ini, tular klip video dalam media sosial yang memaparkan individu memakai PPE dan mempersembahkan tarian Sumazau dengan diiringi lagu *Original Sabahan*.

Ja antara terapi digunakan petugas kesihatan Jabatan Kesihatan Sabah (JKNS) bersama pasukan Hospital Mesra Bukit Padang untuk pesakit COVID-19 berisiko rendah.

Pakar Psikiatri Pasukan Kesihatan Mental dan Psikososial (MHPSS), Hospital Mesra Bukit Padang, Dr Sivenanthini Purana Visvanathan, berkata aktiviti menyanyi serta menari seperti senamrobik dan zumba, sudah dimulakan di pusat kuarantin, Pusat Kebudayaan Penampang, sejak awal bulan ini.

Katanya, ia berikutan aduan pesakit COVID-19 yang berasa bosan dan tertekan apabila duduk di pu-

sat kuarantin.

Beliau berkata, sebelum ini, jika pesakit didapati murung atau tertekan, mereka akan dirujuk kepada pakar psikiatri untuk sesi kaunseling individu.

"Setiap individu yang masuk ke pusat kuarantin perlu mengisi borang saringan tahap tekanan. Jika seseorang itu memperoleh markah yang tinggi, pakar psikiatri akan memberi bantuan kepada individu berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pasukan MHPSS yang mempunyai 20 ahli itu mengadakan aktiviti terapi secara berkumpulan, sekali seminggu di setiap pusat kuarantin dengan setiap sesi berlangsung selama 30 minit hingga sejam.

Sementara itu, Ketua Pasukan MHPSS dari JKNS, Dr Leydra Philip, pula berkata pada awalnya, aktiviti itu hanya diadakan dalam komuniti.

Bagaimanapun apabila ia dilihat sangat berkesan kerana penggunaan muzik yang mudah diterima, katanya, beliau memasukkan aktiviti terbabit dalam jadual riadah di pusat kuarantin.

Dr Leydra berkata, aktiviti itu akan disesuaikan di setiap pusat kuarantin, bergantung pada keluasan pusat berkenaan bagi men-



**Klip video menunjukkan petugas kesihatan menyanyi dan menari dengan memakai PPE bagi menghiburkan pesakit COVID-19 di Penampang tular di media sosial.**  
(Foto FB COVID-19 survivor Sabah)

jaga penjarakan fizikal, selain ada pesakit di pusat kuarantin lain memilih untuk melakukan aktiviti pendidikan secara interaktif dalam talian.

Katanya, setiap daerah diwajibkan ada pasukan MHPSS tetapi intervensi dijalankan adalah berbeza mengikut keadaan, umur dan keperluan pesakit.

Pertambahan jumlah pesakit COVID-19 di Sabah pada gelombang ketiga juga antara faktor aktiviti berkenaan dimasukkan dalam jadual riadah di pusat kuarantin.

"Aktiviti ini juga sebagai antara kempen #endstigma now

terhadap bekas pesakit COVID-19 dan mereka yang berada dalam pusat kuarantin, selain memberi gambaran kepada masyarakat luar mengenai keadaan di dalam pusat berkenaan," katanya yang juga aktif sebagai aktivis sosial bagi bekas pesakit COVID-19.

Sementara itu, Penolong Pegawai Perubatan Norbert Andilah yang tular memakai PPE sambil menyanyi lagu berjudul *Original Sabahan*, berkata beliau menyanyi di pusat kuarantin Penampang pada 17 November lalu.

Beliau berkata, lagu berentak seperti Tarian Sumazau itu sesuai

dinyanyikan, sekali gus diselitkan ketika aktiviti bersenam bersama pesakit COVID-19.

"Waktu menari dan menyanyi memang terasa panas (pakai PPE) serta tinggi cabarannya. Namun, sebagai petugas barisan hadapan, hanya itu yang boleh saya bantu dari segi kesihatan mental.

"Ini kerana muzik dan senaman memainkan peranan untuk mengurangkan tekanan seseorang itu," katanya yang memang gemar menyanyi.

Berdasarkan laporan JKNS, ada 28 pusat kuarantin di negeri ini yang masih menempatkan 2,121 pesakit COVID-19. BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 40

RUANGAN : DUNIA

## Kit ujian Korea Selatan didakwa 'cacat'

**Washington:** Kit ujian COVID-19 yang diimport daripada Korea Selatan oleh gabenor Maryland didapati mempunyai kecacatan dan akhirnya tidak digunakan, menurut laporan *The Washington Post* kelmarin.

Akhir itu melaporkan Gabenor Maryland, Larry Hogan membelanjakan AS\$9.46 juta (RM38.72 juta) pada April lalu untuk mengimport 500,000 kit ujian daripada Korea Selatan.

Bagaimanapun kit ujian itu didapati mengalami kecacatan dan negeri itu dalam diam dikatakan membayar syarikat sama di Korea Selatan tambahan AS\$2.5 juta (RM10.23 juta) untuk menggantikan 500,000 kit ujian.

Dikatakan makmal University of Maryland tidak menggunakan kit ujian penggantian itu selepas beberapa kali disyaki positif palsu tetapi makmal swasta terus menggunakannya.

Sebanyak 370,000 kit ujian yang digantikan digunakan oleh makmal swasta, menurut *Washington Post*.


Hogan, yang sering mengkritik Presiden Donald Trump, menguar-uarkan pembelian kit ujian berkenaan pada April lalu dan memuji bantuan isterinya yang dilahirkan di Korea Selatan dalam mendapatkan kit ujian berkenaan.

Hogan yang dihubungi akhbar berkenaan enggan mengulas laporan itu. AFP



Larry Hogan

## Penularan COVID-19



Pfizer dan BioNTech mengesahkan sudah memohon kelulusan penggunaan keceemasan untuk vaksin mereka.

(Foto AFP)

# Pfizer mohon kelulusan penggunaan untuk vaksin

## Permohonan bersama BioNTech bolehkan pengedaran kepada dunia

**Washington:** Pfizer, syarikat gergasi farmaseutikal kelmarin mengesahkan pihaknya dan rakan kongsi, BioNTech sudah memohon kelulusan penggunaan keceemasan untuk vaksin mereka, sekali gus yang pertama melakukannya di Amerika Syarikat (AS) atau Eropah ketika pandemik COVID-19 merebak di seluruh dunia.

Vaksin yang dibangunkan secara bersama itu hanya mengambil masa 10 bulan selepas kod genetik novel coronavirus pertama kali diuraikan.

"Ya. Kami sudah kemukakan," kata jurucakap Pfizer kepada AFP merujuk permohonan kepada Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan (FDA) AS.

Pengumuman berkaitan kerana itu dijangka dibuat beberapa hari lagi selepas syarikat berkenaan menyelesaikan kajian percubaan produk yang menunjukkan 95 peratus keberkesanan melindungi orang daripada jangkitan.

"Pemfailan di AS adalah tonggak penting dalam perjalanan kami untuk memberikan vaksin COVID-19 kepada dunia dan kami sekarang mempunyai gambaran yang lebih lengkap mengenai keberkesanan dan profil keselamatan vaksin kami, memberi kami keyakinan terhadap potensinya," kata Ketua Pegawai Eksekutif Pfizer, Albert Bourla dalam kenyataan sebelum ini.

Vaksin berkenaan dinilai selama beberapa minggu di negara Kesatuan Eropah (EU), Australia, Kanada, Jepun dan Inggeris, kata syarikat itu.

"Syarikat bersedia untuk mengedarkan vaksin dalam tempoh beberapa jam selepas mendapat kelulusan," menurut kenyataan syarikat itu.

FDA tidak menyatakan berapa lama masa yang diperlukan untuk mengkaji data vaksin, tetapi AS berharap dapat memberi lampu hijau untuk vaksin itu digunakan dalam dua minggu pertama bulan depan.

Bagaimanapun sebelum ini FDA dilaporkan menetapkan syarat kepada pembuat vaksin COVID-19 supaya membuat pemantauan lanjut dengan sukarelawan sekurang-kurangnya selama dua bulan selepas pemberian dos kedua, 28 hari selepas dos pertama diberikan, dalam usaha

memastikan ubatan itu selamat.

Negara EU juga dapat menggunakan vaksin Pfizer-BioNTech dengan segera, mungkin pertengahan Disember, menurut Presiden Suruhanjaya Eropah, Ursula von der Leyen.

Selain vaksin Pfizer-BioNTech, firma bioteknologi, Moderna turut menyatakan vaksin mereka menunjukkan 95 peratus keberkesanan terhadap jangkitan COVID-19.

Kepantasan vaksin dibangunkan ketika pandemik merebak di seluruh dunia tidak pernah berlaku sebelum ini kerana selama beberapa dekad lalu, vaksin yang diluluskan di AS memerlukan purata lapan tahun untuk dibangunkan.

AS merancang untuk memberi vaksin kepada lebih 20 juta penduduknya bulan depan dan kemudiannya 25 hingga 30 juta orang setiap bulan. AFP

# Individu positif virus kebal jangkitan untuk 6 bulan

**London:** Individu yang dijangkiti COVID-19 tidak mungkin menghidap kembali penyakit itu untuk tempoh sekurang-kurangnya enam bulan, menurut penyelidikan dari Universiti Oxford.

Penemuan itu diperolehi daripada kajian berskala besar terhadap jangkitan semula COVID-19 melalui pemerhatian profesional perkhidmatan penjagaan kesihatan yang mana didapati jangkitan berulang agak jarang berlaku.

Seorang penyelidik yang terlibat dalam kajian itu, Profesor David Eyre menyatakan penemuan itu 'satu berita baik'.

"Kami yakin untuk jangka masa pendek kebanyakan mereka yang dijangkiti COVID-19 tidak akan dijangkiti semula," katanya.

Kumpulan penyelidik itu menjelaskan mereka masih mengumpulkan data sebelum merumuskan jangkitan semula selepas enam bulan.

Bagaimanapun, kajian yang sedang dijalankan itu pada akhirnya mahu mengesahkan tempoh masa perlindungan daripada jangkitan semula secara total.

Pengarah kajian pencegahan dan kawalan jangkitan Hospital Universiti Oxford (OUH), Katie Jeffery, beranggapan penemuan kajian itu 'menarik'.

"Ia menunjukkan jangkitan virus itu memberikan setidaknya perlindungan jangka pendek daripada jangkitan ulangan," katanya.

Syarikat bioteknologi Amerika Syarikat, Moderna mengumumkan minggu ini, calon



Michael Ryan

vaksin mereka menunjukkan keputusan hampir 95 peratus dalam ujian percubaan seminggu selepas pengumuman dibuat syarikat gergasi farmaseutikal, Pfizer dan BioNTech.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyambut baik ka-

jian itu dan menyifatkannya satu penemuan yang memperluas pemahaman mengenai perlindungan COVID-19.

"Kami benar-benar memuji usaha penyelidik untuk melakukan kajian itu," kata Pengarah Kecemasan WHO, Michael Ryan kepada wartawan di Geneva dan memberitahu penemuan itu memberikan 'data terbaik'.

Ryan berkata tindak balas antibodi yang diperincikan dalam penyelidikan itu memberikan harapan untuk perlindungan lebih lama kepada calon vaksin yang sedang dibangunkan.

Kajian Oxford mengenai jangkitan semula menggunakan data ujian COVID-19 biasa daripada 12,180 pekerja penjagaan kesihatan di OUH selama 30 minggu.

Kajian mendapati tidak ada

seorang pun daripada 1,246 kakitangan dengan antibodi COVID-19 yang mengalami jangkitan simptomatik.

Tiga kakitangan dengan antibodi yang positif COVID-19 didapati sihat dan tidak mengalami sebarang gejala.

WHO mengatakan pertubuhan itu kini bekerjasama dengan 50 negara berhubung tindak balas antibodi dalam kumpulan yang berbeza, seperti kumpulan populasi umum atau dalam kalangan pekerja penjagaan kesihatan.

Badan kesihatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu turut mengumpulkan hasil kajian berkenaan untuk mendapatkan gambaran yang lebih luas mengenai bagaimana pandemik itu boleh menular. AFP

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/NEWS

## D-G: We initially proposed MCO for Klang Valley

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry initially proposed to enforce the Movement Control Order (MCO) in the Klang Valley following the spike in Covid-19 cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said this was what the ministry recommended during the National Security Council meeting, before the government settled for the enforcement of the Conditional MCO instead.

He reiterated that it was not economically viable to impose the MCO since 40 per cent of the country's economy was from Selangor.

"We need to strike the right balance between saving lives and livelihoods," he said during the special briefing on Covid-19 at the ministry yesterday.

He said the CMCO had shown positive results to control the spread of the virus.

On Covid-19 testing, Dr Noor Hisham said the ministry had tested close to three million people for Covid-19 up to Friday.

He said 2,492,807 people were screened since the pandemic began.

"We still do mass testing, but it is a targeted population testing. We are maximising and optimising the testing protocols."

The testing rate in Malaysia, he said, was relatively higher than in



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

some neighbouring countries.

According to statistics, it showed 76.40 tests for every 1,000 population with the cumulative positivity rate at two per cent, he said.

Compared with Thailand, it had conducted 17.42 tests per 1,000 population with the cumulative positivity rate at 0.3 per cent.

Malaysia's testing rate per 1,000 population was also better than South Korea (55.11), Japan (24.85) and Sweden (59.2), with the exception of Singapore (197.72), New Zealand (252.45), Australia (374.87), the United Kingdom (508.88) and the United States (516.98).

Dr Noor Hisham said the Health Ministry would step up the use of RTK antigen testing for field workers, adding that it targeted to reduce the infectivity value or R naught (RO) to 0.5 and below.

Yesterday's RO value, he said, was between 0.9 and 1.1.

On case updates, he said Malaysia logged 1,041 new Covid-19 cases up to noon yesterday with 1,039 being local transmissions.

Selangor recorded the highest number of new cases at 402, followed by Sabah at 346 and Negri Sembilan at 121.

The ministry, he said, detected three new Covid-19 clusters yesterday: the Jalan Harapan Prison cluster in Sungai Buloh; the Kota Kecil cluster in Kota Tinggi; and the Sky Coklat cluster in Labuan.

"There are 168 active clusters and 36 of them have additional cases."

He announced the end of two clusters, Bah Kayu and Lekir, bringing the number of clusters that had ended to 159.

Dr Noor Hisham said there were 108 patients in Intensive Care Units with 45 of them on respiratory support.

He said three deaths were reported yesterday and all of them were patients in Sabah, taking the death toll to 332.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

16-YEAR-OLD

## Sarawak teen sixth to die from rabies

**KUALA LUMPUR:** A 16-year-old girl succumbed to rabies on Nov 11, becoming the sixth person to die from the disease in Sarawak this year, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said.

He said the case was the 28th since a rabies outbreak was de-

clared in Sarawak on July 31, 2017.

"The teenager died at 3.45pm at the Sarawak General Hospital (HUS), and was confirmed infected with the rabies virus following laboratory tests conducted by the Medical Research Institute on Nov 12," he said yesterday.

"She was admitted to HUS on Nov 10 after she had a fever for three days, felt weakness in the lower limbs, had aggressive tendencies, as well as symptoms of aerophobia and hydrophobia.

"There was no history of dog or other animal bites. She only had some healed scratch marks on the right leg, but her family members could not give details about this.

"She had four cats and a dog as pets, and all them are in a healthy state and have not shown any behavioural changes, though they have never been vaccinated."

Dr Noor Hisham said rabies infection could be prevented by washing the body part bitten by an animal with water and soap for 15 minutes to get rid of traces of saliva and seeking immediate medical treatment.

"Make sure pet dogs get their yearly rabies shot at the nearest veterinary clinic, keep them away from other stray dogs or animals,



*Those with pet dogs are advised to send them for a yearly rabies shot at the nearest veterinary clinic.*

and report to the local authorities if there are strays in the area."

Dr Noor Hisham said the Health Ministry and the State Health Department would continue to monitor the rabies situation in Sarawak, and share the latest related information with the Sarawak Veterinary Services Department (DVS) and DVS Malaysia, to ensure rabies pre-

vention and control measures were implemented promptly and comprehensively.

"It is important that Sarawakians give their cooperation by taking heed of advice from the government and the authorities, to keep rabies under control in the state. Do not let pets roam or abandon them in public areas." **Bernama**

AKHBAR : THE STAR  
 MUKA SURAT : 4  
 RUANGAN : NATION

# Cases back up to four digits

## Highest numbers in Selangor, Sabah and Negri Sembilan

By ASHLEY TANG  
 ashleytang@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** New Covid-19 cases climbed back to four digits – 1,041 – as Selangor recorded more cases than Sabah, the hotspot state for the coronavirus.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said in the latest update, the three states that recorded the highest cases were Selangor (402), Sabah (346) and Negri Sembilan (121).

The day before, the total cases in the country had numbered 958 while it was 1,290 on Thursday and 660 on Wednesday.

"The high positive cases in Selangor were due to the increase in cases from the Teratai cluster, at

298," Dr Noor Hisham said yesterday.

The cluster is linked to workers of rubber glove maker Top Glove Corp Bhd, which has a factory located in Jalan Teratai in Klang.

Of the 1,041 new cases, he said, two were imported and the rest were locally transmitted, adding that the total infections in the country came up to 53,679, with 12,854 active cases.

In Sabah, he said, the high number of cases was due to the Covid-19 screenings that were actively being conducted while in Negri Sembilan, it was from the current clusters.

Dr Noor Hisham also said the country has 168 active clusters including three new ones.

"They are located in Selangor,

Johor and Labuan," he said.

He said the new cluster known as Jalan Harapan was detected in the Sungai Buloh Prison in Selangor.

"The cases from this cluster were detected as a result of the screening of inmates when they entered the prison on Nov 17.

"As of Nov 21, 113 individuals in this cluster were screened, with 17 of them testing positive," he said.

The 17 were among 21 cases from three prison clusters; besides Jalan Harapan, there were Tembok (Kedah) and Seberang Prai (Penang).

Dr Noor Hisham also said a new cluster known as Kota Kecil was detected in Kota Tinggi, Johor.

"The index case was found through the screening of a symptomatic individual on Nov 15."

He said 467 individuals have been screened, nine of whom tested positive for the virus.

In the new Sky Coklat cluster in Labuan, Dr Noor Hisham said the index case was traced to the screening of a symptomatic individual on Nov 19.

"Fifty-one individuals have been screened, with seven testing positive."

Of the 168 active clusters, he said 36 reported an increase in cases.

The highest increase came from the Teratai cluster (298), followed by the Hentian cluster (79), and the Damanlela cluster (43).

Dr Noor Hisham noted that two clusters, Bah Kayu and Lekir, ended yesterday, bringing the total clusters that have ended to 159.

To date, 327 clusters have been recorded in the country.

There were also 108 Covid-19 cases being treated in intensive care units, with 45 cases requiring ventilator support.

He also said three deaths were recorded, bringing the total death toll to 332.

## Health DG: MCOs not meant to end pandemic, but to contain it

By ALLISON LAI  
 allison@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** The various stages of the movement control order will not end the Covid-19 pandemic but only contain it, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said the imposition of the conditional, enhanced and recovery MCO was meant to break the chain of infection within the community.

"The public health methods and implementation of MCO that we use will not end the infection. We would only get to control the infection and the fight will go on," he said during a special briefing here yesterday on the latest regarding Covid-19.

Dr Noor Hisham said: "The ministry's plan and strategy has been to contain the virus' infection so that the pandemic is under control in the country, just like how the situation was when there were single or double-digit cases in the community."

"Under control means the R-naught (R0) value is below 0.5 and people adhere to standard operating procedure. Although we still have to live with the virus, it is under control.

"If we get to control it then we can go back to recovery MCO, living like normal but abiding by the SOP.

"We need to be cautious in our behaviour so that the infection is outside our body, otherwise we will need medicine and vaccine to fight it," he said.

(The R0 is the value of a virus' infectivity). Also present at the briefing were Health deputy directors-general Datuk Dr Rohaizat Yon (medical), Dr Hishamshah Mohd Ibrahim

(research and technical support) and Dr Norhayati Rusli (disease control division).

Dr Noor Hisham said that for eight months, Malaysia managed to contain the infection by bringing the R0 to below 1.

"However, cases began increasing since September and October. On the field, our frontliners are facing fatigue both mentally and physically, just as the people are being lax in adhering to SOP.

"But the virus is never tired; it will infect us when we take the SOP lightly. Our war on the virus continues."

Dr Noor Hisham said the conditional MCO has proven to work, noting that Melaka and Terengganu are back to being under recovery MCO starting today.

For now, he said, the R-value is still between 0.9 and 1, and "not good enough".

"If we can bring it down to below 0.5, or better still, 0.3, just like before the third wave, then we can all go back to recovery MCO."

Dr Noor Hisham also said it is challenging to implement MCO in Selangor, which has the highest movement of people, with the need to balance between lives and livelihoods.

"The ministry had wanted to re-implement MCO in Selangor to bring down the cases but it involves very high cost.

"More than 40% of the country's economic activities are focused in Selangor. It is challenging to control and that's why the conditional MCO was used instead," he explained.

Dr Noor Hisham also refuted claims that the conditional MCO imposed in several states have failed, saying that Malaysia managed to avert an exponential surge in cases in the third wave by implementing it.

